



# **INTEC lancar Program Persediaan Pengajian ke China untuk lepasan SPM, UEC bersama biasiswa**

Latifah Arifin - Mei 7, 2023 @ 12:38pm  
[latifah@bh.com.my](mailto:latifah@bh.com.my)



KUALA LUMPUR: Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berminat melanjutkan pengajian ke China, boleh menyertai program ditawarkan INTEC Education College (INTEC) dengan kerjasama institusi pengajian tinggi (IPT) di Negara Tembok Besar itu.

INTEC adalah kampus satelit Universiti Teknologi MARA (UiTM) Seksyen 17, Shah Alam yang beroperasi sejak lebih 30 tahun, menyediakan pendidikan perintis untuk program prauniversiti, diploma dan program perakaunan profesional.

Dalam satu kenyataan, INTEC memaklumkan, Program Persediaan Pengajian ke China ditawarkan INTEC yang akan dilancarkan 10 Mei ini, turut ditawarkan kepada lulusan Sijil Peperiksaan Bersama Sekolah Menengah Persendirian Cina (UEC) atau kelulusan setaraf dengannya dan SPM.

Menurut INTEC, Program Persediaan Pengajian ke China ditawarkan kolej berkenaan adalah bersama tajaan biasiswa penuh atau program latihan dibayar serta peluang pekerjaan yang cerah selepas tamat pengajian.

"Wakil universiti dari China yang menjalin kerjasama dengan INTEC akan hadir pada pelancaran program terbabit 10 Mei ini di dewan utama INTEC di Shah Alam.

"Orang ramai termasuk kaunselor sekolah, guru, pelajar berpotensi yang sedang menunggu keputusan SPM, UEC atau yang setaraf dengannya dan ibu bapa dipelawa hadir dan bertemu wakil universiti dari China itu pada 10 Mei ini, bermula jam 10.30 pagi.

"Program yang ditawarkan akan memberi pengalaman latihan industri dan peluang pekerjaan dengan syarikat China yang beroperasi di Malaysia. Program Sarjana Muda diajar sama ada dalam bahasa Inggeris atau Mandarin.

"Universiti di China yang bekerjasama dengan INTEC menawarkan biasiswa untuk pelajar dari Malaysia yang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda," menurut kenyataan berkenaan.

INTEC memaklumkan, pelajar boleh memulakan program ijazah mereka di China seawal September depan atau memilih untuk melengkapkan program asas selama sembilan bulan di INTEC terlebih dahulu sebelum melanjutkan pengajian ke universiti di China.

Pelajar berminat menghadiri majlis pelancaran program berkenaan dan bertemu wakil universiti dari China boleh mendaftar melalui <https://forms.gle/qY1KGVuqeDbqHqf8> atau menghubungi talian 03-86037050, 03-86037075 atau e-mel ke alamat [hajar.senusi@intec.edu.my](mailto:hajar.senusi@intec.edu.my) atau [shurabil.suib@intec.edu.my](mailto:shurabil.suib@intec.edu.my) untuk maklumat lanjut.